IKLAN JAWATAN
KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2026

Butiran Umum

Jawatan	Pekerja Sementara Kerja Luar Kajian

Maklumat Jawatan

Tempat	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Syarat-syarat Am:

1. Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap yang berumur di antara 18 tahun hingga 40 tahun dan berdaftar dengan JobCentre Brunei (JCB).
2. Tidak mempunyai sebarang pekerjaan atau menuntut di mana-mana institusi/maktab/sekolah dalam atau luar negara.
3. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu atau Inggeris serta dapat berkomunikasi dengan baik dengan orang ramai. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam pelbagai bahasa lain adalah satu kelebihan.
4. Berkebolehan dan mengetahui cara penggunaan komputer. Berkelulusan sijil asas komputer dan berpengalaman dalam penggunaan perisian komputer adalah satu kelebihan.
5. Bersedia untuk bekerja pada bila-bila masa dan bertugas di mana-mana tempat atau daerah seperti yang diarahkan semasa tempoh lantikan.
6. Tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan yang boleh menjejaskan prestasi kerja.
7. Hendaklah mempunyai lesen memandu yang sah dan kemudahan kenderaan sepanjang tempoh lantikan.

Tugas dan Tanggungjawab:

1. Memaklumkan isi rumah terpilih mengenai kajian ini;
2. Menemuduga isi rumah yang terpilih dan mencatat keterangan yang diberikan;
3. Melukis peta lakaran mengikut kawasan yang diberikan;
4. Menyemak dan memastikan keterangan yang diberikan adalah betul dan lengkap;
5. Melaporkan kerja luar harian dan membuat laporan hasil kerja luar kepada Penyelia;
6. Membuat kerja-kerja pemprosesan data; dan
7. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Penyelia dan Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

Kelayakan Minimum

1. Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya A-Level, Diploma atau Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan yang setaraf. Pelajar tahun akhir universiti dan graduan baharu adalah digalakkan untuk memohon. Keutamaan diberikan kepada pemohon dalam bidang Statistics, Economics, Social Sciences, Perniagaan, ICT atau bidang berkaitan.
2. Berpengalaman dan pernah mengikuti kerja-kerja banci atau kajian, terutama yang dikendalikan oleh JPES adalah satu kelebihan.
3. Berpengalaman dalam pengolahan dan pemprosesan data.
4. Berpengalaman menggunakan perisian pengurusan atau analisis data seperti Microsoft Excel atau sistem pangkalan data berkaitan.
5. Mempunyai kemahiran asas dalam pengiraan dan pemahaman nombor (*numeracy*) bagi memastikan data yang diproses adalah tepat dan betul.

Bagi sesiapa yang berminat untuk memohon jawatan ini, sila isi keterangan awda.Tarikh akhir permohonan ialah pada **8 Jun 2026.**